

Melihat pencapaian Melayu

UM-13/11/2006

Oleh MARHAINI KAMARUDDIN
(WARTAWAN UTUSAN)

PENCAPAIAN wanita Malaysia dalam pelbagai bidang tidak perlu diragui lagi. Kejayaan mereka khususnya wanita Melayu menduduki jawatan-jawatan penting, baik dalam kerajaan mahupun swasta bukan lagi suatu mimpi.

Realitinya wanita Melayu Malaysia kini menerajui banyak agensi dan institusi utama yang berfungsi dan bertanggungjawab menjana pertumbuhan sosioekonomi, politik dan pembangunan negara.

Bagi Ketua Pergerakan Wanita UMNO, Datuk Seri Rafidah Aziz, kuota 30 peratus wanita sebagai pembuat dasar bukan isunya lagi di negara ini.

Kerajaan dan pihak berwajib di Malaysia telah memberi pengiktirafan yang sewajarnya kepada wanita. Malah dalam banyak hal, wanita Malaysia termasuk Melayu telah mengatasi angka ini dari segi kuantiti.

Justeru apa yang perlu diberi tumpuan oleh Wanita kini ialah memperjuangkan supaya mereka tidak ditutup ruang dan peluang untuk mendapatkan tempat serta kedudukan yang tinggi ini.

"Bagi kita pada peringkat sekarang bukan lagi peratusan tetapi kualiti yang penting. Kualiti individu yang dilantik, kualiti individu yang dipilih untuk memegang jawatan pembuat keputusan atau dasar," kata Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri itu dalam pertemuan dengan *Utusan Malaysia* menjelang Perhimpunan Agung UMNO, Jumaat lalu.

Bagaimanapun dalam memberi tumpuan kepada kedudukan wanita sebagai pembuat dasar, golongan itu sendiri khususnya melalui Wanita UMNO tidak pula mengabaikan tanggungjawab memperjuangkan isu-isu lain yang sama penting kepada orang Melayu, parti dan negara.

Sehubungan itu pada Persidangan Perwakilan Wanita UMNO yang akan bermula Isnin ini, pergerakan itu menggariskan tiga usul untuk dibahaskan iaitu ucapan ketua, pendidikan dan agama serta ekonomi selaras dengan usul Majlis Tertinggi (MT).

Menurut Rafidah, penetapan hanya tiga usul itu dibuat bagi mengelakkan perwakilan terserabut dengan terlalu banyak isu. Mereka mahu memberi fokus kepada:

Realitinya wanita Melayu Malaysia kini menerajui banyak agensi dan institusi utama yang berfungsi dan bertanggungjawab menjana pertumbuhan sosioekonomi, politik dan pembangunan negara

- Isu-isu yang dihadapi,
- Apa yang kerajaan lakukan untuk membawa pembangunan dan memberi faedah kepada wanita serta
- Masalah-masalah parti yang dihadapi pada masa ini.

Memandangkan Malaysia kini dalam fasa pelaksanaan Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9), beliau menjangkakan perbahasan kali ini akan menghalu kepada rancangan lima tahun itu.

"Saya sendiri selalu menyarankan supaya Wanita menjadi pemantau penyelarasan dasar tersebut.

"Kita juga hendak dengar apakah pendapat dan anggapan mereka (perwakilan) tentang pendekatan yang telah dan akan diambil," katanya.

Selain RMK-9 yang dijangka mendominasi perbahasan usul ekonomi, beliau juga mahu mereka yang diberi peluang berucap pada persidangan kali ini menjurus kepada masalah dihadapi umat Islam sejagat ketika ini.

"Hakikatnya jangan kita lupa, apabila sebut sahaja Islam, mereka (barat) mempunyai idea awal atau pandangan serta gambaran sedia ada mengenai imej Islam, umatnya dan negara Islam," katanya.

Bagi Rafidah, adalah menjadi tugas dan tanggungjawab perwakilan khususnya pembahas untuk cuba memberikan gambaran yang jelas dan sebenar bagi membezakan Malaysia daripada persepsi sejagat itu.

Isu lain yang sudah pasti dibincangkan pada mesyuarat kali ini ialah mengenai agenda Melayu. Memandangkan ia merupakan teras perjuangan parti, beliau yakin ia sudah pasti akan menjadi topik pilihan lebih-lebih lagi dengan pendedahan bahawa penguasaan Melayu dalam ekonomi masih jauh daripada sasaran Dasar Ekonomi Baru (DEB).

Dalam hal ini, Rafidah berharap perbincangan mengenainya bukan setakat melaug-laungkan apa yang orang Melayu hendak, sebaliknya juga melihat di mana kelemahan dan kekurangan yang membataskan matlamat yang hendak dicapai itu.

Apa yang penting bagi wanita ini yang

telah menyertai 31 mesyuarat agung UMNO sehingga kini, hujah dan pandangan yang diberi hendaklah memberi nilai tambah dari segi menolong pucuk pimpinan merumuskan pendekatan baru bagi membantu orang Melayu dan umat Islam.

Pendek kata, mereka yang diberi peluang bercakap perlu memberi pandangan bernas yang membolehkan kerajaan membuat dasar baru atau mengubahsuai dasar lama supaya lebih berkesan menangani isu-isu yang dibangkitkan.

"Hendaklah kita ingat bahawa ini adalah satu mesyuarat agung yang dilihat, diikuti oleh dunia kerana kita parti terbesar di negara ini," tegasnya.

Bahkan beliau menarik perhatian bagaimana dalam mesyuarat dua hala antara Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dengan Perdana Menteri Laos Jumaat lalu, kata pembukaan pemimpin asing itu ialah mengenai Perhimpunan Agung UMNO.

"Pada mereka UMNO ini adalah tunjang kerajaan, jadi dia kata mesyuarat agung UMNO ini penting," katanya.

Apatah lagi isu hubungan Abdullah-Mahathir sudah pasti menarik banyak mata ke Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) sepanjang minggu ini.

Hakikatnya semua pihak mahu melihat apakah reaksi dan pendirian sayap parti dan perwakilan mengenai situasi yang berlaku sekarang, yang belum pernah dialami sepanjang 57 tahun usia parti keramat ini.

Dalam hal ini, Rafidah tidak mengharapkan pembahas untuk tidak menyentuh langsung isu Dr. Mahathir seolah-olah senario itu tidak berlaku. Ini kerana menurutnya, Timbalan Presiden UMNO, Datuk Seri Najib Tun Razak juga tidak menghalang mereka berbuat demikian. Cuma ingatan dibuat supaya pentas perbahasan tidak menjadi medan mengecam peribadi.

Rafidah sendiri mengakui akan menyentuh mengenainya dalam ucapan dasar beliau memandangkan ia adalah isu yang dihadapi oleh parti pada masa ini.

Walaupun isu tersebut tidak dapat die-

lakkan daripada disentuh pada perhimpunan kali ini, beliau bagaimanapun mengingati perwakilan, bukan sahaja Wanita bahkan sayap lain parti agar sentiasa menjaga tertib berhujah dan berbahas.

"Kita kena ingat kadangkala kita tergelincir. Dalam seronok berhujah, masuk perkataan lucu. Kalau lucu, semua orang akan seronok kerana dengan berfalsafah sahaja tak jadi. Sebaliknya dengan ungkapan lucu, mesej akan sampai.

"Tetapi kalau hujah diselitkan dengan ungkapan lucu yang membawa dua makna, di akhir perbahasan mesej tidak akan sampai kerana yang orang ingat bukan mesejnya tetapi ungkapan mencarut itu sahaja," tegasnya.

Sehubungan itu, sebagai parti yang akan menjangkau usia 60 tahun, jangkakan orang luar yang memerhati perhimpunan kali ini ialah, para perwakilan dapat menunjukkan kematangan, memberi input secara positif dan produktif serta pada masa yang sama, sedia dan sanggup menerima pandangan termasuk yang berbeza demi kelangsungan UMNO.